

Beberapa Aturan Adat

Luak Lemol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

### Kedatangan Menggalang

Dalam pada itu Datok Perpateh sentiasa juga berulang alik diantara Sri Menanti dan Padang Luas iaitu Minangkabau sekarang dan rakyat pun bertambah ramai daripada tiap-tiap suku disana datang kemari dan pemerintahan sudah pun teratur mengikut adat Perpateh. Dua puluh tahun kemudian apabila Menggalang sudah mula remaja, dia minta izin kepada ayahanda bondanya untuk mengikut jejak datoknya. Maka ibunya membenarkan dan Menggalang pun bersiap sedia dengan rombongannya untuk belayar. Dalam pelayarannya ia tidak singgah dimana-mana hingga sampai berjumpa dengan datoknya. Bila sudah berjumpa, datoknya mengenalkan kepada batin-batin semuanya. Bila pertaliannya sudah erat maka Datok Perpateh pun menjodohkan cucunya dengan anak batin Sungai Ujong. Lama kelamaan ia mendapat tiga orang anak laki-laki dan seorang anak perempuan. Apabila putera puteri ini sudah remaja maka Datok Perpateh pun menyuruh orang-orangnya menjemput batin-batin dan orang besar Naning, Kelang dan orang besar Bukit Kepong dan orang yang beradat serta rakyat jelata sekalian berhimpun di Gunung Datok diRembau.

Maka disinilah Datok Perpateh menggunakan bahasa Raja iaitu bertitahlah Perpateh kepada batin-batin dan pemberesar-pemberesar serta hadirin sekalian, beta hendak melantik seorang raja yang berkeadilan untuk menjaga pemerintahan batin-batin sekalian. Jadi persetujuan dicapai ialah Menggalang dilantik menjadi Raja yang menjaga keadilan bergelar Batin Menggalang. kemudian daripada itu Datok Perpateh bertitah lagi untuk mengurniakan kepada cucunya yang empat orang itu sebagai Undang Luak. Katanya apabila mati batin di luak tersebut, undang luaklah gantinya sampai turun temurun dan di lantik pula lembaga pada tiang balai undang dan syaratnya dan dikurniakan pula kepada orang Naning, Kelang dan Bukit Kepong dan dilantik pula gelaran penghulu dan banyak lagi gelaran dalam adat hingga tersusunlah adat bagi sebuah negeri dan inilah yang dapat disampaikan oleh Datok Perpateh.

Pada masa itu peraturannya seperti yang tersebut dibawah ini. Anak batin Menggalang yang tua bergelar Datok Kelana Putera jadi undang Luak Sungai Ujong, yang tengah bergelar bergelar Datok Mendika Menteri Akhir Zaman jadi undang Luak Jelebu, yang alang perempuan menjadi undang Luak Johol dan yang bongsu bergelar Datok Sedia Raja jadi undang Luak Rembau. Daripada sinilah asalnya gelaran Undang Luak dinegeri ini sampai sekarang yang dulunya dipanggil Batin. Perlantikan ini disahkan oleh Batin semuanya. Kemudian daripada itu Datok Perpateh melantik lagi tiap-tiap Undang Luak seorang Lembaga bekerja sebagai tiang balai undang lain daripada Lembaga yang berlingkungan dan pelapik dada, sampan pelayang kuda pelajang iaitu dengan gelaran masing-masing. Kata Datok Perpateh lagi kukuhkanlah ini sebabnya ialah tunggak atau tiang adat perpateh yang dikatakan kalau dianjak layu dicabut mati. Sampai disini selesailah terombo serta aturan adat perpateh samada yang dibuatnya sendiri dan juga diwasiatkannya. Titahnya yang akhir apabila ia mati bertali ke Siak, beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau. Samapi disini titahnya Perpateh pun ghaib dan gunung itu runtuh dibahagian tempat duduknya, hingga sekarang dinamakan Gunung Datok.

Setelah Perpateh ghaib dari pandangan mata dari perhimpunan itu maka Datok-Datok dan Batin-Batin yang tujuh diketuai oleh Datok Batin Menggalang, bermesyuarat membincangkan wasiat Datok Perpateh kepada Datok-Datok semua pasal bertali ke Siak, beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau. Maka masing-masing pun berse-tuju. Lama kelamaan beraja ke Johor diperintahkannya membuat penolong undang iaitu penghulu luak. Aturannya seperti berikut, Penghulu Muar Serambi dibawah Undang johol, Penghulu Jempol Serambi dibawah undang Jelebu, Penghulu Terachi Serambi dibawah Undang Sungai Ujong, Penghulu Gunung Pasir Serambi dibawah Undang Rembau. Maka apabila negeri sudah teratur dengan adat dan rakyat dari seberang sudah ramai datang, undang yang tujuh ini tiap tak-lok itu diduduki oleh dua belas suku mengikut suku asal di negeri Padang Luas pada masa itu. Maka pemerintahan masing-masing di-tiap-tiap Luak mengikut pemerintahan adat perpateh. Dalam masa itu ada kejadian yang buruk berlaku dimasa beraja ke Johor.

Pada suatu masa hulubalang-hulubalang Johor datang melawat ke Sungai Ujong. Didapatinya puteri Batin Sungai Ujong yang sedang bersiar-siar ditaman tersangat indah rupanya ibarat bunga sedang mekar. Apabila ia kembali ke Johor dipersembahkannya kepada Raja Johor akan cerita puteri Batin Sungai Ujong itu. Maka Raja Johor tertarik hati kemudian pada itu lalu dititahkan oleh baginda Datok Laksamana Bukit Kepong pergi meminang puteri Batin Sungai Ujong yang sedang mekar itu. Maka pergilah Datok Laksamana dengan pengiring-pengiringnya lalu mengadap Batin Sungai Ujong, maka disampaikannya permintaan Raja Johor itu. Maka Batin Sungai Ujong minta tempoh dua tiga hari untuk berunding dengan batin-batin dan datok yang bertiga. Maka Batin-Batin dan Datok Naning dan Datok Amar DiRaja dari Kelang pun hadir dan berunding di pondok datok kecuali Datok Laksamana tak bersama sebab dia yang membawa utusan itu. Keputusannya tidak diterima pinangan Raja Johor itu. Keputusannya menghantar anak Undang Luak Sungai Ujong sendiri beserta dua orang pengiringnya untuk menyembahkan kepada Raja Johor dan disini juga membuat keputusan mengistiharkan gelaran undang Luak Jelebu, Johol dan Rembau sebab semua batin-batin sudah meninggal dunia.

Apabila sampai ke Johor maka disembahkan oleh anak Undang Luak Sungai Ujong yang ayahandanya menolak pinangan tuanku. Maka Raja johor sangat murka dengan tidak usul periksa lagi langsung dititahkan kepada hulubalangnya utusan dari hulu itu dipancang lehernya dengan pedang di Ujong Pasir. Sebelum dipancang anak Undang Luak berkata adat istiadatnya anak undang tidak boleh dipancang malainkan disalang tentang rusoknya dengan keris. Bila petanda mendengar berita itu langsung menjalankan adat istiadat menyalang rusok anak undang Luak Sungai Ujong sampai mati dan pengiringnya yang dua lagi dapat melepaskan diri langsung balik ke Sungai Ujong menyembahkan perihal kezaliman Raja Johor membunuh anaknya itu. Maka dipanggil Datok yang tujuh berunding lagi dipondok akan kezaliman Raja Johor menyalang anaknya dengan tiada usul periksa lagi. Setelah diteliti halus-halus keputusannya maka ketujuh-tujuh Datok itu sebulat suara menghantar Datok Jelebu dengan dua orang pengiringnya yang bergelar Datok Bujang Merupik, seorang yang satu lagi Datok Bujang Merapi. Bila ia bercakap keluar api. Bujang Merupik dia boleh merupik dinding istana.

Setelah sampai di Johor Datuk Jelebu pun hendak mengadap maka menteri Raja Johor pun menyembahkan kepada Rajanya sebagai mana hajat Datok Jelebu itu. Maka titah Sultan pada menterinya, tanya pada orang Hulu itu apa hajatnya, jika ia lapar beri ia nasi, jika mengantuk beri bantal. Segala titah Raja itu disampaikan kepada Datok Jelebu dan Datok Jelebu menjawap kami memang lapar dan minta masakkan nasi beras lima puluh gantang dan lauknya kerbau seekor. Maka menteri Raja pun memasakkan apa yang dikehendaki oleh Datok Jelebu itu. Setelah hari siang maka dihamparkannya nasi lima puluh gantang beras itu diatas daun pisang dan lauknya sekali. Maka dimakan Datok Jelebu bersama dengan pengiringnya sampai habis lauknya sekali. Setelah dilihat oleh orang ramai peristiwa Datok Jelebu dengan dua pengiringnya makan nasi beras lima puluh gantang lauknya gulai kerbau seekor, maka diberitahu oleh menterinya kepada Raja. Maka Raja pun bertitah kepada menterinya, bunuh saja orang Hulu itu tetapi menterinya menyangkal sebab Datok Jelebu tiada apa-apa salahnya pada Duli Yang Maha Mulia, pada pandangan patik anak Undang Luak Sungai Ujong dahulu kerana pinangan tuanku ditolak dengan sebab itu baginda pun membuat helahnya. Ada seohon durian ditepi kota, tingginya mengawan. Kalau dikait tak sampai, dibaling tak boleh, suruh dia ambil buah itu bawa pada aku.

Pada sangkanya tentulah tidak akan dapat Datok Jelebu mengambilnya, dari muslihat inilah akan dapat membunuh Datok Jelebu dengan pengikutnya. Maka Datok Jelebu pun dibawa ke tempat itu. Kata Datok Jelebu dia sanggup mengambil buah durian itu dengan syarat dicarikan kayu galah sama panjang dan sama besar dengan batang durian ini. Maka menteri menitahkan kepada rakyat mencari pokok yang sama panjang dan sama besar. Akhirnya jumpa di Gunung Pulai lalu ditebang dan beribu orang memikulnya dibawa kehadapan Datok Jelebu. Maka Datok Jelebu pun mengambil batang kayu itu dengan sebelah tangan dibawa dekat pokok durian itu. Maka bersabdalah Datok Jelebu, jika ia sebenarnya Datok Mendika Akhir Zaman Undang Menika Raja Berdaulat, berpusinglah pemberah ini keatas mengambil buah durian itu.

Maka dengan izin Allah berkat menika itu maka berpusinglah kayu itu keatas pokok durian itu meruntuhkan dahan durian itu serta buahnya sekali. Maka diambilnya buah durian itu oleh juak-juak raja lalu disembakkannya kepada Raja dan dan Datok Jelebu serta pengiringnya sama-sama masuk ke anjong istana hendak mengadap. Oleh sebab Raja Johor sangat ketakutan langsung lari masuk kedalam istana lalu bertitah mulai dari hari ini berhentilah dari berajakan kami kerana kami zalim dan juga beta beri gelaran kepada Datok Mendika Akhir Zaman dengan gelaran Sultan Jelebu. Kezaliman kami telah ditebus dengan ditaburi melukut iaitu beras lima puluh gantang dan kerbau seekor sebagai adat menurunkan raja yang zalim. Maka Sultan Jelebu dan pengiringnya dengan tidak ada bicara lagi lalu turun dari istana sambil turun itu dipancungnya tempayan bekas air ditangga istana itu putus dua dan tidak ada bicara lagi langsung balik ke Sungai Ujong dan menyuruh juak-juaknya menjemput Datok-Datok yang enam.

Apabila hadir semuanya berhimpun semua rakyat yang sempat datang dan Datok-Datok yang tujuh di pondok Datok. Maka Undang Jelebu menjelaskan perihal berhenti beraja ke Johor dan beliau dilantik oleh Sultan Johor menjadi Sultan Jelebu dan dihuraikannya segala kejadian yang dialaminya semasa di Johor. Jadi pendapat Datok-Datok sekalian semua setuju Datok Jelebu menjadi Sultan tetapi Datok Jelebu menolak. Katanya dia bukan darah Raja soknya, kata Datok Jelebu kepada Datok-Datok sekalian, perintahkan sendiri di luak masing-masing. Kemudian daripada itu maka berjalanlah pemerintahan masing-masing sama tarafnya mengikut dasar adat perpateh. Malangnya selalu juga timbul pertelingkahan akibatnya tiada yang aman. Maka Datok Kelana menyuruh juak-juaknya menjemput Datok-Datok yang enam berhimpun di pondok Datok untuk mencari penyelesaian. Bila sudah berhimpun Datok-Datok yang tujuh, maka Datok Kelana pun mengeluarkan cadangan sebab dia yang tua. Dalam pesaka adat katanya sebab kita sudah putus beraja ke Johor maka sepatutnya kita bertuan ke Minangkabau dan kali inilah rakyat jelata baru mendengar negeri Minangkabau. Entah masa bila dan apa salasilahnya dahulunya Padang Luas sekarang Minangkabau hingga sekarang.

Penubuhan ini tiada didapati dalam terombo Datok Perpateh datang ke Sri Menanti. Jadi keputusan rundingan antara Datok-Datok yang tujuh itu, empat undang luak iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau bersetuju mencari Raja ke Minangkabau. Tiga tak setuju iaitu Datok Naning, Datok Laksamana Bukit Kepong dan Datok Amar Diraja Kelang. Mereka menjalankan pemerintahan masing-masing seperti biasa. Dari peristiwa inilah keputusan yang dibuat menjadikan perpecahan diantara tujuh datok-datok ini dan pondok datok ini tidak digunakan lagi dan dinamakan tempat ini Bukit Putus hingga sekarang iaitu tempat membuat segala keputusan yang penting-penting. Kemudian daripada itu undang yang empat pun berunding untuk menghantar Datok Lembaganya menjadi utusan ke Minangkabau. Apabila Datok Lembaga ini sampai di Minangkabau, langsung mengadap Raja iaitu Sultan di Pagar Ruyong memohon Raja seorang untuk dirajakan di Sri Menanti. Maka oleh Sultan Minangkabau yang agak dengki hatinya diberinya seorang hamba dan dibawa balik ke Sri Menanti Langsong ditabalkan. Malangnya orang yang ditabalkan itu bukan keturunan Raja Langsong mati.

Kemudian daripada itu undang yang empat berunding lagi menghantar utusan ke Minangkabau memohon Raja seorang lagi. Maka Sultan mengurniakan seorang khatib masjid dan ditabalkan di Sri Menanti lalu dikahwinkan dengan anak Datok Naam iaitu Datok PenghuluMuar. Lama kelamaan dapat empat orang anak. Kemudian daripada itu anak cucunyaalah yang bergelar datok empat dalam istana sampai sekarang ini. Oleh sebab Raja Khatib makin lama makin zalim pemerintahannya maka rakyat dan undang empat memecatnya dan menghantar utusan ke Minangkabau memohon Raja. Maka segala perihalnya disampaikan kepada Sultan, maka Sultan Pagar Ruyong Minangkabau mengurniakan putera gaharanya yang keempat Raja Melewar untuk ditabalkan di Sri Menanti dengan syarat demikian bunyinya, apabila sudah putih gagak hitam bangau barulah dibolehkan rakyat menderhaka dan demikian juga Raja dibolehkan melakukan kezaliman dan Raja Melewar pun dibawalah ke Sri Menanti.

Apabila sampai, Datok Penghulu Muar Datok Naam enggan menyembah Raja Melewar. Maka oleh undang yang empat ditabalkan Raja Melewar di satu kampung Bukit Tutur namanya iaitu di Kampung Penajis pada masa ini. Sekarang dipanggil juga istana Raja. Setelah selesai pertabalan itu maka dibawalah Raja Melewar ke Sri Menanti dengan diiringi oleh dua orang asli dikiri kanan baginda melalui senai, hutan rimba itu. Gelaran Bentara kanan dan Bentara kiri sampai sekarang ialah pusaka daripada dua pengiring ini. Apabila sampai rombongan Di Raja ini ke Sri Menanti maka dipanggil lagi Datok Naam mengadap sembah kepada Raja Melewar tetapi Datok Naam engkar menyembah lalu terjadi perperangan diantara dua pihak. Akhirnya bagi pihak Datok Naam kalah dan Datok Naam ditangkap dengan hukuman datok undang yang empat iaitu kepala Datok dipancung. Kemudian kepala Datok Naam pun dipancung oleh petanda dan diletakkan diatas meja. Maka ditanya lagi mahukah ia menyembah, tuhan takdirkan kepala itu mengeleng lagi. Sudah itu lalu ditanam kepala itu disuatu bukit berhampiran istana Sri Menanti dan badannya ditanam di Bukit Taboh. Jauhnya diantara kepala dengan badan lebih kurang setengah batu. Setelah Datok Naam dari Penghulu Muar tewas dalam perperangan itu maka Raja Khatib mlarikan diri ke Pahang. Lalu Raja Melewar dinaikkan takhta. Kerajaan pemerintahan baginda ialah mengeraskan adat serta hukum maka barulah negeri ini aman sampai ia mangkat.

Setelah Raja Melewar mangkat maka dijemput lagi dari Minangkabau dan dari sinilah baru dapat gelaran Yam Tuan iaitu Yam Tuan Hitam menaiki takhta kerajaan. Dalam pemerintahan Yam Tuan Hitam ini ramai orang dari negeri Aceh datang dan juga negeri-negeri lain di Sumatra datang membuka kampung halaman disini dan perahu tongkang pun sentiasa berulang alik diantara dua negeri ini dan apabila Yam Tuan Hitam mangkat maka dijemput lagi Yam Tuan Lenggang namanya. Demikian juga halnya menggalakkan orang dari Sumatra datang kesini untuk mengkukuh adat. Setelah ia mangkat digantikan pula oleh Yam Tuan Radin. Baginda ini kegemarannya pergi berburu sambil mencari tanah-tanah lembah dan paya untuk dibuka dijadikan sawah dan kampung untuk menjadi kesenangan rakyat.

Kemudian apabila ia mengkat digantikan pula oleh Yam Tuan Mahmud. Jasa baginda ini ialah mendirikan sebuah masjid di kampung Tengah dan sentiasa ia melawat ke kampung-kampung mengajar Ugama Islam. Setelah Yam Tuan Mahmud mangkat maka digantikan pula oleh anak saudaranya Yam Tuan Antah. Pertabalan baginda ini ditentang oleh Raja Kampong Tengah saja, Alang Tengku Ahmad Tunggal yang berhajat merebut takhta kerajaan itu yang disokong oleh Datok Kelana. Oleh sebab Yam Tuan Antah sayang kepada rakyatnya dan bagi mengelakkan pertumpahan darah perang saudara, tidaklah ia naik takhta kerajaan. Tiga tahun kemudian Raja Alang pun mangkat maka baha rulah Yam Tuan Antah ditabalkan. Dalam tiga tahun itu negeri ini tiada beraja. Tiada beberapa lama Yam Tuan Antah memerintah maka datang pula askar Inggeris menyerang negeri ini. Sekali lagi Yam Tuan Antah mendapat cabaran yang dashyat, dengan kebijaksanaannya sempat juga ia menyelesaikan masalah itu dengan membuat bernaung dibawah pemerintahannya. Lama kelamaan Yam Tuan Antah pun mangkat dan digantikan pula oleh puteranya Tengku Muhammad yang diberi gelaran Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhammad Shah.

Dalam pemerintahan Yam Tuan Antah yang bernaung dibawah kerajaan Inggeris maka ujudlah nama Negeri Sembilan iaitu sembilan luak dijadikan satu negeri dinamakan Negeri Sembilan. Asalnya negeri ini tujuh luak sahaja iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Johol, Luak Rembau, Luak Naning, Luak Kelang. Mengikut kata orang tua-tua tiga peringkat namanya negeri ini. Yang pertama negeri Wilayah Perpateh, yang kedua negeri Taklok Minangkabau dan yang ketiga Negeri Sembilan sampai sekarang. Dalam pemerintahan Yang Di Pertuan Besar Tuanku Muhammad Shah banyak jasa-jasa baginda yang membawa kemakmuran kepada rakyat. Yang pertama dapat mengamankan negeri mengendalikan adat perpateh dengan teratur, mengukuhkan hak pusaka yang diwarisi oleh perempuan seperti tanah pusaka adat dicop dengan huruf Customary Land digeran tanah tersebut. Baginda juga menggalakkan rakyat menanam getah. Sebagai contohnya baginda sendiri membuka kebun getah yang luas dan baginda juga menutup tanah-tanah lombong yang dirancang oleh orang puteh iaitu di Parit Tinggi, di Beting, di Jemapah dan di Jempol sebab penduduknya yang sudah ramai dikawasan tersebut menjadikan sawah padi dan kampong halaman.

Dalam masa kemewahan begini banyak juga kebun-kebun getah orang Melayu yang terjual pada bangsa asing dengan sebab itu baginda membuat sekatan-sekatan geran-geran tanah, orang Melayu dicop dengan huruf Malay Reservation dan tanah ini tidak boleh dijual pada bangsa asing dan lagi pada tahun 1895, baginda telah memosakkan Negeri Sembilan bersekutu dengan tiga buah negeri iaitu Perak, Selangor, Pahang dan juga Negeri Sembilan dan perjanjian itu ditandatangani oleh Sultan masing-masing dan digelar negeri bersekutu atau dalam bahasa Inggeris Federated Malay States. Pada tahun 1933 satu haribulan lapan, baginda Yang Di Pertuan Besar Tengku Muhammad Shah mangkat dan puteranya yang sulong Tuanku Abdul Rahman menaiki takhta kerajaan pada 3.8.1933. Jasa baginda ialah menaikkan taraf dan mutu pelajaran termasuk pelajaran ugama, mendirikan sekolah ugama rakyat dan sekolah melayu. Baginda tidak lagi menyinggong adat perpateh sebab sudah tersusun rapi dari da-hulu lagi hanya baginda mengukuhi adat dan tiang keadilan bagi adat dan syarak.

Dalam pemerintahan Yam Tuan Muhammad, orang puteh menggesa Datok di sembilan wilayah iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Jempol, Ulu Muar, Gemencheh dan Inas beserta Sri Menanti di perintah oleh Yam Tuan bersatu menubuhkan Negeri Sembilan hingga sekarang ini. Dahulunya Naning, Kelang, Bukit Kepong yang menganuti adat perpateh dibawah taklok Minangkabau langsung dikeluarkan oleh orang puteh Kelang masuk Selangor, Naning masuk ke-Melaka dan Bukit Kepong masuk Johor.